

31 AUG 1998

NAM-Abdullah

MALAYSIA MAHU NAM MEMAHAMI KEHENDAK SEMUA NEGARA ANGGOTA

DURBAN, 31 Ogos (Bernama) -- Malaysia berharap semua anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan mengenyampingkan kepentingan sendiri atau rantau masing-masing supaya penyusunan semula Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dapat dilakukan dengan segera.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata masalah sekarang ialah negara-negara anggota NAM masing-masing ingin supaya rantau mereka menjadi anggota tetap majlis itu, selain Amerika Syarikat, Britain, China, Perancis dan Russia.

"Kami nak selesaikan isu ini pun ada masalah (antara kalangan anggota NAM)," kata beliau.

NAM kini dianggotai oleh 113 negara membangun dari tiga rantau utama iaitu Asia, Afrika dan Amerika Latin.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di bandar raya pelabuhan Afrika Selatan ini, beliau berkata isu penyusunan semula Majlis Keselamatan PBB yang bermula sejak dua tahun lepas tidak akan dapat diselesaikan jika anggota NAM tidak sepakat dalam hal ini.

Bagaimanapun, beliau menjangkakan bahawa Sidang Kemuncak Ke-12 NAM yang akan bermula di sini Rabu ini akan mengambil "beberapa keputusan" penting mengenai penyusunan semula majlis itu.

Abdullah yang tiba di sini semalam akan mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak dua hari itu, yang akan didahului dengan Mesyuarat Menteri-menteri Luar NAM bermula hari ini.

Dr Mahathir tidak dapat menghadiri Sidang Kemuncak Durban itu kerana keletihan selepas melawat ke seluruh negara baru-baru ini, untuk menjelaskan kepada rakyat mengenai kegawatan ekonomi dan langkah-langkah untuk mengatasinya.

Abdullah berkata kesemua lima anggota tetap Majlis Keselamatan (sengaja) melambatkan cadangan penyusunan semula majlis itu kerana mereka mempunyai agenda mereka.

Katanya, mereka mengemukakan cadangan mereka tersendiri mengenai penyusunan itu yang menyulitkan lagi penyelesaiannya.

Abdullah juga berharap anggota NAM akan memahami serta menghormati kehendak setiap anggota untuk membincangkan sebarang isu atau masalah pada sidang kemuncak itu.

Katanya, mereka mesti memberi layanan yang sama kepada sebarang isu yang mungkin dibawa oleh setiap anggota pada sidang kemuncak itu sama ada bagi pihak negara mereka atau rantau mereka.

"Kita mesti mendapatkan sokongan daripada semua supaya perkara-perkara berkenaan dapat dimasukkan dalam dokumen-dokumen penting (sidang kemuncak itu). Afrika juga ingin mendapatkan restu akan masalah-masalah mereka," kata beliau.

Beliau mengulas mengenai laporan akhbar tempatan bahawa isu krisis ekonomi dan kewangan serta senjata nuklear mungkin tidak akan menerima perhatian serius, berbanding isu keganasan seperti kejadian letupan bom di beberapa negara anggota dari rantau Afrika baru-baru ini, termasuk di negara tuan rumah sidang kemuncak itu, iaitu Afrika Selatan.

Malaysia dan beberapa negara lain dijangka akan menumpukan perhatian terhadap isu krisis ekonomi dan kewangan, yang melanda rantau Asia dan beberapa negara membangun lain termasuk Afrika Selatan, manakala negara-negara Afrika dijangka akan memberi keutamaan terhadap isu keganasan.

Pada 7 Ogos lalu, berlaku letupan bom di kedutaan Amerika Syarikat di Nairobi, Kenya dan Dar es Salaam, Tanzania yang mengakibatkan 257 orang terbunuh dan 5,000 orang tercedera. Amerika Syarikat membalas letupan bom itu dengan melancarkan roket pada tempat-tempat yang didakwa sebagai markas pengganas di Sudan dan Afghanistan.

Selasa lepas, satu lagi kejadian letupan bom berlaku di restoran "Planet Hollywood" di Cape Town, Afrika Selatan yang mengorbankan seorang dan mencederakan 27 orang.

Abdullah berkata beliau memahami bahawa anggota NAM dari rantau Afrika mungkin akan menumpukan perhatian mereka terhadap isu keganasan.

Mengenai pendirian Malaysia pada sidang kemuncak itu, beliau berkata Kuala Lumpur akan menegaskan bahawa NAM tetap relevan, dan mahu pergerakan itu wujud sebagai satu forum untuk membincangkan kepentingan melibatkan kerjasama Selatan-Selatan, selain isu krisis kewangan.

--BERNAMA

ES RI